



04 APR, 2024

'Kantoi' seludup rokok waktu sahur

Harian Metro, Malaysia



Page 1 of 2

'Kantoi' seludup rokok waktu sahur

JKDM rampas rokok putih RM749,000 di pangkalan haram

Oleh Hidayatidayu Razali
am@hmetro.com.my

Kota Bharu

Taktik penyeludup rokok putih melakukan kegiatan pada waktu sahur tidak berjaya mengaburi mata pihak berkuasa, sekali gus menyaksikan Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) Kelantan merampas 960,000 batang rokok dalam serbuan di pangkalan haram Kampung Kijang, dekat Jalan PCB di sini, Isnin lalu.

Dalam serbuan 5 pagi oleh Pasukan Operasi Bahagian Penguatkuasaan JKDM Kota Bharu itu merampas rokok disyaki diseludup dengan anggaran nilai lebih RM749,000 termasuk cukai.

Pengarah Kastam Kelantan, Wan Jamal Abdul Salam Wan Long berkata, namun lapan penyeludup berjaya melarikan diri selepas menyedari kehadiran pihak berkuasa.

Katanya, modus operandi penyeludup adalah membawa masuk rokok putih dari negara jiran melalui pangkalan haram dengan menggunakan bebe-



WAN Jamal (tengah) bersama sebahagian rampasan rokok seludup bernilai lebih RM749,000 dalam serbuan di pangkalan haram Kampung Kijang, Kota Bharu.

rapa bot sebelum dibawa ke tebing.

"Namun, kegiatan mereka yang membawa rokok putih itu berjaya kami kesan apabila pasukan mengekori mereka selama tiga jam dari tengah laut bermula 2 pagi sebelum serbuan dibuat.

"Mereka membawa rokok putih ke pangkalan haram dan dipunggah naik sebelum diedarkan di pasaran tempatan terutama di Kelantan dipercayai untuk bekalan pada hari raya Aidilfitri," katanya pada sidang media di Pejabat

JKDM di Padang Bongor di sini, semalam.

Beliau berkata, siasatan masih terus dijalankan bagi mengenal pasti pemilik barang yang dirampas.

Menurutnya, kes disiasat mengikut Seksyen 135(1)(d) Akta Kastam 1967 dan jika sabit kesalahan boleh didenda tidak kurang 10 kali nilai barang atau RM50,000, yang mana lebih besar dan tidak lebih 20 kali nilai barang atau RM500,000 yang mana lebih besar, atau dipenjarakan tidak kurang dari enam bulan dan tidak me-

lebih lima tahun atau kedua-duanya sekali.

"Sehubungan itu, orang ramai digesa membantu pihak JKDM untuk memerangi jenayah penyeludupan khususnya rokok, minuman keras, mercun, dadah, kenderaan dan lain-lain serta tidak membabitkan diri dengan aktiviti itu.

"Penyeludupan bukan sahaja merugikan negara dari segi ketirisan hasil, malah turut mendatangkan ancaman kepada keselamatan serta kesejahteraan rakyat," katanya.



04 APR, 2024

'Kantoi' seludup rokok waktu sahur

Harian Metro, Malaysia



Page 2 of 2

SUMMARIES

JKDM rampas rokok putih RM749,000 di pangkalan haram

a m @ h m e t ro.c om . m y Kota Bharu Taktik penyeludup rokok putih melakukan kegiatan pada waktu sahur tidak berjaya mengaburi mata pihak berkuasa, sekali gus menyaksikan Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) Kelantan merampas 960,000 batang rokok dalam serbuan di pangkalan haram Kampung Kijang, dekat Jalan PCB di sini, Isnin lalu.